

12 APR 2000
G77-kemuncak
SIDANG KEMUNCAK KUMPULAN 77 BERMULA

Oleh: E.Sivabalan

HAVANA, 12 April (Bernama)-- Sidang Kemuncak Kumpulan 77 (G-77) bermula di sini Rabu, membolehkan negara-negara membangun berbincang berkaitan kebaikan bersama dan bertindak dengan satu suara terhadap negara-negara kaya dan globalisasi.

Sidang kemuncak dua hari itu, kali yang kedua sejak G-77 ditubuhkan pada tahun 1964, dirasmikan oleh pengerusi sidang kemuncak yang juga Presiden Nigeria, Chief Olusegun Obasanjo. Pada masa ini G-77 mengandungi 133 negara anggota, termasuk China.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan memberikan ucapan pada sidang kemuncak itu. Ucapan beliau dijangka memberikan tumpuan kepada globalisasi dan perlunya negara-negara membangun bersatu.

Lebih daripada 60 ketua kerajaan menghadiri sidang kemuncak itu.

Sidang itu didahului oleh mesyuarat dua hari para pegawai kanan dan menteri.

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan juga dijadual berucap pada sidang kemuncak itu.

Tema utama sidang kemuncak itu membabitkan globalisasi, Kerjasama Utara-Selatan dan Selatan-selatan, perdagangan dunia dan teknologi.

Tuan rumah, Cuba dijangka meminta negara-negara membangun "bersatu dengan satu keberanian dan kelantangan dan didengar dengan satu suara."

Perkara ini terkandung dalam draf deklarasi yang juga meminta negara-negara Selatan untuk mengambil pendirian berkaitan isu yang membabitkan hutang, pembasmian kemiskinan dan laluan terhadap teknologi.

Sidang kemuncak itu akhirnya dijangka akan mengumumkan pelan tindakan dan deklarasi.

Sementara itu, Dr Mahathir dijadual mengadakan perbincangan dengan beberapa pemimpin semasa sidang itu berihat.

Mereka termasuklah Naib Perdana Menteri China Li Langing, Presiden Mali Alpha Omar Konare dan Presiden Algeria Abdul Aziz Bouteflika.

--BERNAMA

ES RI